

Gerakan Orientalisme dan Gereja Methodist Episcopal (GME) Terhadap Penduduk Islam: Analisis Pensejarahan di Malaysia Abad ke-19 dan 20

Movement of Orientalism and the Methodist Episcopal Church (GME) against the Muslim Population: A Historiographical Analysis of Malaysia in 19th and 20th Century

Aziz, H.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6017-9156434 E-mel: hamdan.aziz@umt.edu.my

Zakariya, H. (Pengarang Penghubung)

Kuliyah Abdulhamid Abusulayman, Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Gombak, 53100 Gombak, Selangor, Malaysia

Tel: +6012-6133283 E-mel: hafizz@iium.edu.my

Rahman, A. H. A.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6019-9363923 E-mel: asyraf@umt.edu.my

Salamun, H.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

Tel: +6011-65510571 E-mel: hailan@umt.edu.my

Ismail, I. L. M.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6019-5648560 E-mel: ismarhani@umt.edu.my

Said, S.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6010-4066990 E-mel: syahrin@umt.edu.my

Sulaiman, R.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-9755515 E-mel: ruzainii@umt.edu.my

Hamdan, A. N.

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Tel: +6017-9638680 E-mel: ahmadnaquuddin@gmail.com

Abstrak

Terdapat usaha secara intensif gerakan orientalisme dan Gereja Methodist Episcopal (GME) untuk mengubah kepercayaan penduduk Islam di Malaysia pada abad ke-19 dan ke-20. Justeru artikel ini menganalisis gerakan yang dilakukan orientalis dan GME demi mencapai tujuan mereka. Dengan menggunakan pendekatan pensejarahan iaitu data arkib, dokumen mubaligh serta sumber-sumber sekunder data dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk deskriptif. Kajian mendapati orientalisme memperkenalkan naratif baharu terhadap budaya dan agama yang dianuti penduduk Islam iaitu melalui lensa stereotaip dan generalisasi. GME berusaha menarik penduduk Islam melalui pendekatan dialog dan pendidikan meskipun tetap berada dalam kerangka missionari Kristian. Mereka juga berusaha untuk mengubah identiti watan penduduk Islam namun tidak begitu berjaya. Mereka terpaksa berhadapan dengan penduduk yang secara struktural telah pun kukuh dengan ajaran Islam. Kumpulan agamawan seperti kumpulan tuan-tuan guru, haji dan lebai menjadi dominan dalam kalangan penduduk. Individu yang bergelar haji adalah kumpulan yang paling berpengaruh dalam masyarakat kerana kebiasaan mereka yang sudah mengerjakan haji mempunyai keiltizaman keIslaman serta mendapat status sosial yang agak tinggi.

Kata kunci: Orientalisme; Islam; Gereja Methodist Episcopal (GME); Pensejarahan

Abstract

The 19th and 20th centuries saw intensive efforts by the Orientalist movement and the Methodist Episcopal Church (GME) to

change the beliefs of the Muslim population in Malaysia. This article analyzes the strategies employed by Orientalists and GME in achieving their goals. Utilizing a historical approach and drawing from archival data, missionary documents, and secondary sources, the study presents its findings in a descriptive form. The research reveals that Orientalism introduced a new narrative to the culture and religion upheld by the population through the lens of stereotypes and generalizations. In contrast, GME sought to engage the Muslim population through dialogue and education, all while operating within the framework of Christian missionary efforts. Despite these attempts to alter the identity of the Muslim homeland, GME was largely unsuccessful, facing a population that was already structurally resilient due to the teachings of Islam. Influential groups within the community, such as religious teachers, hajj, and lebai played a dominant role in maintaining Islamic traditions. Among these, individuals who have completed the Hajj are particularly noteworthy, as they tend to demonstrate unwavering commitment to Islam and enjoy a relatively high social status.

Keywords: Orientalism; Muslims; Methodist Episcopal Church (MEC); Historiographical

Pengenalan

Orientalisme adalah konsep yang merujuk pada cara pandang, penafsiran dan representasi Barat terhadap dunia Timur (Asia, Timur Tengah, dan Afrika Utara) khususnya terhadap negara yang didiami umat Islam. Antara individu yang mempopularkan istilah dan konseptual orientalisme ialah Said (1979) yang mengkritik cara-cara Barat dalam

menggambarkan dan mengkonstruksi identitas dan budaya timur sebagai sesuatu yang eksotis, primitif dan terbelakang dan sering kali digunakan untuk membenarkan kolonialisme dan dominasi politik. Abdullah (2004), Yusoff dan Sulaiman (2009), Engku Alwi dan Yusof (2019) menjelaskan orientalisme sering dijadikan alat oleh kuasa kolonial untuk mengeksploitasi sudut pandang dan cara berfikir penduduk peribumi di sesuatu tempat. Lary (2006) menyatakan idea Said terhadap orientalisme masih signifikan sehingga ke hari ini terutama apabila melibatkan hubungan dunia Barat dan Timur.

Dalam pada itu Abuulaiqah (2015) menyatakan impak orientalis terhadap dunia Islam adalah sangat besar. Bahkan pada abad ke-19, terdapat usaha orientalis untuk menterjemahkan Al-Quran dalam pelbagai bahasa. Usaha ini sekalipun membantu umat Islam di Barat, namun kadangkala ia memberikan impak negatif terutama apabila terjemahan dan tafsiran Al-Quran yang diberikan kadangkala tidak tepat. Kenyataan Abuulaiqah diperkukuhkan kenyataan Sapariah et al. (2023) yang menyatakan orientalisme mempunyai hubungan erat dengan agenda kolonialisme Barat di dunia Timur selain kegiatan mubaligh Kristian dalam pelbagai aliran.

Abd Rahman et al. (2019) menegaskan kehadiran orientalis pada era kolonial di Malaysia adalah bersifat dualisme iaitu sebagai pegawai tadbir namun di sebalik mereka juga sebagai orientalis dan mubaligh Kristian. Di Tanah Melayu yang majoriti penduduk beragama Islam, beberapa birokrat British seperti Shellabear, Wilkinson dan Winstedt yang mana mereka juga bertindak sebagai mubaligh dan orientalis. Justeru, pandangan dan idea mereka kadangkala

menimbulkan penentangan dalam kalangan penduduk Melayu yang beragama Islam kerana tidak bertepatan dengan kerangka watan Melayu Islam. Antara idea orientalis dan GME ialah penduduk Islam perlu meninggalkan amalan agama Islam yang dibawa dari Asia Barat serta wajib menerima idea yang dibawa oleh Barat yang kononnya kononnya jauh lebih maju.

Keck (2018) menyatakan orientalis adakalanya menggunakan elemen ornamentalisme iaitu memberi harapan baharu terhadap penduduk Islam dengan mengatakan apa-apa perkara yang datang dari Barat adalah terbaik. Kenyataan Keck bertepatan dengan idea Çağrı & Fatih (2010) menyatakan orientalisme ialah sistem fiksyen ideologi yang bertujuan menghalalkan keunggulan budaya dan politik Barat serta mewujudkan jiwa inferior dalam kalangan penduduk Islam demi kepentingan kolonialisasi.

Menarik bagi kajian Mansor et al. (2024), yang menjelaskan bahawa perang antara Rusia-Turki Uthmaniyyah yang tercetus pada tahun 1877-1878 di Balkan, sangat berkaitan dengan orientalisme serta konflik agama khususnya antara Kristian dan Islam. Ini kerana pihak Barat Kristian mahu meluaskan pengaruh di beberapa buah negara terutama di Balkan. Ironinya, peperangan tersebut ternyata memberi kesan yang ketara terutama kepada penduduk Islam di Bulgaria.

Dalam pada itu Joll (2015) yang mengulas berkaitan peranan dan sumbangan Roxborogh sewaktu menjalankan gerak kerja mubaligh Kristian di Malaysia pada abad ke-19. Roxborogh menyatakan bahawa penduduk peribumi Islam sangat perlu kepada kumpulan mubaligh Kristian terutama bagi pembangunan pendidikan.

Yong (1984) menyatakan bahawa di Melaka, kumpulan mubaligh Kristian aliran Methodist banyak memainkan peranan terutama dalam pembangunan bidang pendidikan di negeri itu.

Lebih lanjut Mat Kib (2003) menjelaskan bahawa perkembangan mazhab-mazhab Kristian di Sabah sangat berkait rapat dengan gerakan orientalisme dan kolonialisme. Berlakunya peningkatan jumlah penduduk Kristian dalam kalangan penduduk peribumi, sekaligus akan mengekalkan penguasaan kuasa pemerintahan kolonial di negeri itu. Dalam pada itu mubaligh Kristian hanya melakukan gerak kerja terhadap penduduk peribumi yang belum Islam serta penduduk Cina memandangkan majoriti penduduk Islam di negeri itu masih kekal dengan Islam.

Sehubungan itu objektif artikel ini ialah menganalisis gerakan orientalis serta mubaligh Kristian aliran Gereja Methodist Episcopal (GME) terhadap penduduk Islam khususnya di rantau Alam Melayu (Malaysia) pada abad ke 19 dan 20 serta sejauh mana ketahanan jati diri penduduk Islam dalam menangani gerakan tersebut.

Metodologi

Kajian ini bersifat kualitatif yang menggunakan kaedah pensejarahan dengan menganalisis beberapa dokumen Arkib Negara Malaysia (ANM), dokumen mubaligh GME serta sumber-sumber sekunder lain yang diterbitkan sepanjang tahun 1832-1956 bagi mendapatkan data. Sumber di atas penting kerana merakam hampir kebanyakan peristiwa yang berkaitan dengan gerakan orientalisme dan GME terhadap penduduk peribumi Islam di Malaysia. Sumber utama seperti rekod dari Arkib Negara Malaysia serta risalah GME

penting kerana ia boleh membantu memahami sejauh mana kejayaan orientalis dan GME terhadap dunia umat Islam. Manakala bahan sekunder pula dapat membantu proses tafsiran dan analisis serta mengukuhkan hujah dalam penulisan artikel ini.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Malaysia pada Abad ke-19 dan 20 Dari Perspektif Penjelajah Barat dan Mubaligh GME

Pada abad ke-19 dan 20, nama Malaysia digunakan secara meluas oleh penjelajah Barat bagi merujuk kawasan penempatan penduduk Melayu Islam di sebelah Asia. Istilah Malaysia yang digunakan ketika itu bersifat geografikal serta tidak merujuk kepada mana-mana entiti politik sebagaimana Malaysia moden hari ini. Antara kawasan Malaysia ialah Kepulauan Filipina termasuk Sulu dan Mindanao, Kepulauan Maluku termasuk Gilolo, Ceram dan Ambon, Celebes, Borneo, Kepulauan Sunda termasuk Timor Timur, Jawa, Bangka, Sumatera dan Tanah Melayu (Valentine, 1889; The Straits Times, 9 September 1851). Umumnya dalam konteks politik dan pemerintahan moden hari ini, nama Malaysia merangkumi beberapa buah negara seperti Malaysia (Tanah Melayu), Indonesia, Singapura dan Filipina.

Istilah lain yang turut digunakan Barat bagi merujuk Malaysia ialah *Oceania, Far East, Pacific Ocean, Far Pacific, East India, Eastern India, Indian Archipelago, Eastern Archipelago, Indonesian Archipelago, Philippines Archipelago, Micronesia, Melanesia, Polynesia* dan *Austronesia*. Dalam kalangan penjelajah Perancis, Malaysia disebut sebagai *Malaisie* manakala

Sepanyol (*Malasia*), Portugis (*Mala'sia*) dan Belanda (*Maleisia*). Dalam kalangan penduduk tempatan, istilah lain yang sering digunakan ialah Kepulauan Melayu serta Nusantara.

Istilah Malaysia dipopularkan d'Urville, seorang penjelajah Perancis pada abad ke-19. Pada masa yang sama, d'Urville mencadangkan Lautan Pasifik Selatan dinamakan sebagai *Oceania* dengan kawasan dibahagikan kepada empat kawasan iaitu *Polynesia*, *Melanesia*, *Micronesia* dan *Malaisie* yang merangkumi lokasi Malaysia moden hari ini (Betrand, 1832). Perkataan *Malaisie* kemudiannya dipopularkan Bradford (1835) dalam versi Bahasa Inggeris sebagai "Malaysia". Sebutan Malaysia oleh Bradford juga digunakan Tunku Abdul Rahman bagi pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Selain d'Urville, Rienzi (1836) memperkukuhkan bahawa Malaysia adalah kawasan penempatan orang Melayu yang beragama Islam.

Lebih lanjut berkaitan lokasi Malaysia boleh dilihat dari kenyataan di bawah;

Malaisia, mal-a/-she-a, (Fr. Malaisie, ma-la-ze,) atau Kepulauan Melayu, disebut juga India, dan kadang-kadang Kepulauan Timur, yang paling barat. Bahagian Oceania, terletak di antara 12 S. dan 21 N. Lat., dan 95 dan 133 E. Lon. Filipina dan Maluku, pulau-pulau besar di Sumatera, Jawa, Borneo, Celebes, dan banyak pulau-pulau kecil. Garisan yang memisahkan Malaisia dari Polinesia, di sebelah barat

Papua dan Gilolo, dan Ceram. Malaisia mendapat namanya daripada penduduk yang sebahagian besarnya tergolong dalam bangsa Melayu yang hebat (Baldwin, 1846).

Majoriti penduduk Islam Malaysia menetap di Semenanjung Tanah Melayu, Jawa, Sumatera, Borneo serta beberapa kawasan lain. Majoriti penduduk Jawa menetap di Pulau Jawa serta pulau-pulau berdekatan manakala suku Bugis di Sulawesi serta Tagalas di Selatan Filipina. Keterangan berkaitan rantau Malaysia sebagaimana keterangan di bawah;

Nama Malaysia tidak dijumpai dalam kawasan geografi yang standard. Ia adalah rantau yang didiami oleh bangsa Melayu dan banyak pecahan dan termasuk Semenanjung Tanah Melayu. Istilah Tanah Melayu sering digunakan untuk rantau ini tetapi sebagai penjelajah Asiatic yang aktif menetap di kawasan ini. Dalam sesetengah kes, terdapat orang luar yang berkahwin campur dengan orang Melayu, maka istilah Malaysia lebih sesuai (Thoburn, 1892)

Batavia (Jakarta) dan Singapura menjadi bandar tumpuan penduduk peribumi dan Eropah. Hal ini tidak menghairankan kerana kawasan tersebut menjadi lokasi utama pentadbiran kolonial (Guillemard, 1894). Keterangan lanjut sebagaimana Jadual 1.

Jadual 1: Jumlah penduduk berdasarkan bandar utama di Malaysia pada akhir abad ke-19

| Bandar | Negara | Europeans | Asiatics Jumlah & Eurasian | |
|-------------------|--------------------------|-----------|----------------------------|---------|
| Singapura | Negeri Selat | 8,000 | 292,000 | 300,000 |
| Penang | Negeri Selat | 2,500 | 147,500 | 150,000 |
| Melaka | Negeri Selat | 500 | 24,500 | 25,000 |
| Kuala Lumpur | Persekutuan Tanah Melayu | 400 | 39,000 | 39,400 |
| Palembang | Sumatera | 300 | 69,700 | 70,000 |
| Medan | Sumatera | 600 | 39,400 | 40,000 |
| Batavia (Jakarta) | Jawa | 18,000 | 120,551 | 138,551 |
| Semarang | Jawa | 5,126 | 91,544 | 96,600 |
| Surabaya | Jawa | 15,000 | 141,752 | 156,752 |
| Sukarta | Jawa | 1,572 | 116,806 | 118,378 |
| Kuching | Sarawak (Borneo) | 100 | 10,000 | 10,100 |
| Pontianak | Borneo Belanda | 200 | 14,000 | 14,200 |

Sumber: Denyes (1919)

Denyès membandingkan keluasan negeri di Malaysia dengan keluasan negeri di Amerika Syarikat. Baginya, Sumatera sebesar Iowa, Missouri dan Arkansas di Amerika Syarikat manakala Jawa sebesar saiz New York. Celebes dan Borneo pula hampir empat kali ganda lebih besar daripada Illinois.

Kebanyakan bentuk muka bumi adalah berbukit dan bergunung. Di Sumatera dan Jawa, terdapat beberapa buah pulau serta gunung berapi aktif selain terdedah kepada gempa bumi yang kerap kali meletus dan berbahaya. Iklim adalah panas lembab dengan termometer mencatatkan sekitar 90 degree sepanjang tahun (Hausmann, 1848). Dalam pada itu, iklim dan perubahan cuaca di Malaysia boleh dilihat melalui surat Stark (1908) yang dikirim kepada keluarganya di Eropah. Stark menyatakan iklim Jawa yang bersifat tropika agak asing baginya dan beliau cuba menyesuaikan diri (Denyès, 1919).

Dalam pada itu Polynesia adalah bahasa pertuturan penduduk Malaysia yang mana

lokasi penuturnya dalam lingkungan hingga 700.000.00 batu persegi. Terdapat kepelbagaian bahasa (polyglot) yang dipertuturkan dalam kalangan penduduk selain pengaruh bahasa lain ke dalam bahasa setempat. Dalam pada itu bahasa pertuturan penduduk Malaysia keseluruhannya dianggarkan berjumlah 57 jenis bahasa. Penduduk rantau Asia mampu menguasai pelbagai bahasa dalam satu-satu masa selain menggambarkan kerencaman bahasa dalam kepelbagaian etnik (Foss, 1899).

Dalam pada itu, Woods (1889) yang pernah menetap di Malaysia antara tahun 1832-1889 di beberapa tempat seperti Semenanjung Tanah Melayu, Labuan, Brunei, Sandakan dan Sulu. Baginya penduduk Melayu adalah beragama Islam namun sebahagian besar mereka masih terikat dengan budaya bukan Islam seperti Hindu, Buddha atau kepercayaan animisme.

Status sosioekonomi penduduk Islam di Malaysia pada abad ke-19 adalah kebanyakan berada dalam keadaan daif dan

miskin sekalipun negeri adalah kaya dengan hasil. Hal ini menyebabkan sebahagian besar mereka mudah dieksploitasi kumpulan tertentu di atas nama dominasi dan kolonialisasi (Lieut, 1892).

Sementara itu, kerana berlakunya persaingan kuasa-kuasa Barat terutama Belanda, Sepanyol dan British menyebabkan kuasa Barat cuba mengklasifikasi lokasi tanah jajahan mereka sendiri. British menggunakan istilah British Malaysia yang bermaksud negeri yang diperintah di bawah Syarikat Hindia Timur British termasuk Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Sabah, Sarawak, Betawi dan Hong Kong (Curtis, 1905). Bagi menamatkan pertelingkahan dominasi wilayah antara Belanda dan Sepanyol terutama yang melibatkan wilayah Indonesia serta Filipina, mereka menggunakan klasifikasi agama. Mereka berhujah bahawa Indonesia adalah di bawah pengaruh Belanda kerana majoriti mereka beragama Islam manakala Filipina di bawah Sepanyol kerana majoriti penduduknya beragama Kristian.

Sekalipun kolonial Sepanyol dan Amerika Syarikat berada di Filipina, namun konsep geografikal yang diguna pakai di Filipina ialah juga dalam lingkungan Alam Melayu dan mengguna pakai nama Malaysia. Dalam pada itu, Semenanjung Tanah Melayu adalah penyumbang utama kepada hasil bijih timah, getah, rempah, ubi kayu dan minyak kelapa. Sementara itu, dianggarkan 35,000,000 juta penduduk mendiami dalam kawasan 700 batu persegi (Barrows, 1905).

Perihal penduduk Islam di alam Melayu (Malaysia) juga dapat dilihat melalui catatan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa Al-Fatani pada tahun 1883 sebagaimana di bawah:

Bahasa Melayu dinisbah kepada Orang Melayu yang beragama Islam dengan dibaca huruf mim dengan baris bawah atau baris atas manakala huruf ya dibaca dengan baris hadapan. Mereka adalah generasi yang hebat. Negeri mereka adalah salah satu negara yang paling subur di dunia yang terletak di antara negara India dan China. Padanya banyak kawasan perlindungan. Ahli ilmu geografi menggelarkan negeri mereka sebagai negeri Indochina manakala setengah penduduk Hijaz (Makkah dan Madinah) menamakan yang lain iaitu penduduk Jawa. Mereka berada dalam lingkungan rumpun yang besar manakala bahasa mereka lebih ringan berbanding bahasa lain bagi penduduk kawasan tersebut. Hal ini disebabkan ramai dalam kalangan penduduk Hijaz bergaul dengan penduduk alam Melayu yang terdiri daripada pelbagai bahasa. Mereka adalah kaum yang mempunyai niat yang ikhlas, serta jauh sekali tamak serta mempunyai sifat pemaaf. Mereka adalah orang yang ikhlas, sifat mereka adalah baik serta bebas dalam jiwa mereka. Istimewa kepada mana-mana pihak yang tidak pernah melihat negeri mereka serta penduduk dalam kalangan mereka, iaitu

mereka tidak pernah mengemis sekalipun berada dalam kemiskinan melampau. Mereka mempunyai kebolehan dalam urusan seharian termasuk kehalusan seni kraftangan. Mereka mempunyai daya kreativiti menyebabkan hasil mudah dieksport. Mempunyai ilmu pengetahuan serta ilmu sains namun dirampas serta dijajah menyebabkan terbantut perkembangan. Adalah negeri-negeri mereka ditindas serta dijajah oleh orang-orang kafir. Semoga negara-negara Islam dilindungi Allah SWT daripada kemurkaan (Al-Fatani, 1883).

Gerak Kerja GME terhadap Penduduk Islam di Malaysia Pada Abad ke-19 dan 20

Pada abad ke-19, mubaligh GME bergerak ke seluruh dunia termasuk Malaysia dengan matlamat utama untuk menyebarkan ajaran Kristian. GME ditubuhkan pada Disember 1874 di Baltimore, Maryland, United States (US) setelah bertindak keluar daripada gereja utama di England. Kegiatan keagamaan GME peringkat awal berpusat di India manakala di Malaysia pejabat terletak di Pulau Pinang dan Singapura (Knox, 1892).

Tujuan mubaligh GME menyampaikan ajaran Kristian ke luar negara adalah memenuhi tanggung jawabnya misionaris sebagaimana saranan Bible iaitu "Pergilah kamu ke seluruh dunia dan beritakanlah Injil." Antara lokasi terlibat ialah Malaysia, Indonesia dan Kepulauan Filipina (Manual for missionaries, Board of Foreign Missions, Methodist Episcopal Church, 1900).

Antara mubaligh GME yang memainkan peranan penting dalam missionari ialah Thoburn. Thoburn dilahirkan di St. Clairsville, Ohio pada 7 Mac 1836 berkhidmat sebagai Pastor selama dua tahun selepas tamat pengajian dari Kolej Allegheny pada tahun 1857. Setelah itu, beliau ke India pada 12 April 1859 dan terpilih sebagai Bishop di pada 25 Mei 1888. Di bawah kepimpinannya selama 33 tahun, kegiatan missionari sampai ke Burma dan Malaysia (Thoburn, 1892).

Bagi menyampaikan ajaran keagamaan terutama dalam kalangan anak muda, mubaligh GME Epworth League yang berpusat di Cleveland, Ohio, Amerika Syarikat telah digerakkan ke Malaysia (A Manual of the Epworth League in India and Malaysia, 1896).

Selain itu mubaligh GME memperbanyakkan penerbitan bagi menyampaikan ajaran Kristian. Sebagai contoh pada tahun 1900, Thoburn dan F.W. Warne menerbitkan buku yang diterbitkan Missionary Campaign. Dalam pada itu Lembaga Mubaligh Luar Negara bersama-sama dengan Jabatan Penerbitan Luar Negeri Evangelist turut menerbitkan buku berkaitan ajaran Kristian (Malaysia, up-to-date facts, 1900).

Pada 19-23 Februari 1920, persidangan GME bagi kali yang ke-28 diadakan di Singapura. Persidangan antara lain membincangkan kedudukan kewangan, pelantikan jawatankuasa yang baginya tidak seimbang kerana kebanyakan ahlinya berketurunan Cina dan India. Ketika itu salah seorang birokrat British di Tanah Melayu iaitu W.G. Shellabear, adalah individu penting dalam pergerakan GME (Minutes of the 28th

Session of the Malaysia Conference of the Methodist Episcopal Church, 1920).

Salah seorang birokrat, orientalis dan mubaligh GME di Tanah Melayu, W. G. Shellabear dan isterinya dilantik Bishop J.E. Robinson untuk menyampaikan ajaran Kristian aliran GME secara tersusun. Hal ini mudah kerana Shellabear telah menetap hampir 30 tahun di Malaysia manakala isterinya telah menetap lebih 25 tahun membolehkan mereka berdua fasih berbahasa Melayu. Shellabear aktif dalam pertubuhan Bible selama 15 tahun dan beliau berusaha untuk menerbitkan Bible dalam Bahasa Melayu. Oleh minat mendalam terhadap penulisan di Malaysia, Shellabear menerbitkan pelbagai genre buku antaranya berkaitan bidang bahasa, sejarah, pentadbiran serta beberapa aspek lain. Bagi menarik minat penduduk peribumi kepada ajaran Kristian, beliau banyak terlibat dalam kerja-kerja sosial. Selain itu, beliau berusaha mewujudkan sekolah serta mencari dana membina bangunan hospital (Minutes of the Woman's Conference of Malaysia Mission, Methodist Episcopal Church, 1914).

Di atas inisiatif beliau dan isterinya, pada tahun 1914 diwujudkan dua buah sekolah Melayu khusus untuk pelajar perempuan. Usaha Shellabear menjadi lebih mudah kerana beliau mendapat dokongan kuat daripada beberapa pihak termasuk pihak GME, rakan-rakan beliau di Singapura serta kerajaan Tanah Melayu. Sekolah yang didirikan ini diselia oleh Persatuan Mubaligh Asing Wanita. Dalam pada itu sebuah asrama untuk kanak-kanak lelaki Melayu juga didirikan memandangkan terdapat permintaan daripada ibu bapa orang Melayu yang mahukan anak-anak mereka belajar serta dapat tinggal bersama dalam persekitaran yang menggunakan bahasa

Inggeris. Manakala sewaktu sesi pembelajaran di sekolah, kanak-kanak tersebut boleh bergaul dengan pelajar lain dari pelbagai kaum dan agama (Minutes of the Woman's Conference of Malaysia Mission, Methodist Episcopal Church, 1914).

Dalam pada itu, Shellabear juga berusaha memberikan kesedaran kepada penduduk Melayu Islam yang tidak tertarik untuk mendapatkan rawatan di hospital kerajaan. Oleh kerana ramai penduduk yang bersalin menggunakan kaedah tradisional, maka Shellabear mencadangkan supaya diwujudkan jawatan bidan terlatih untuk melawat dan memberi rawatan terhadap wanita mengandung khususnya yang menetap di kawasan kampung-kampung serta pedalaman. Manakala sewaktu kedatangan bidan untuk perkhidmatan di kampung bolehlah disertai seorang mubaligh Kristian.

Malaysia menjadi tumpuan imigran seluruh dunia. Justeru, bantuan terutama wang sangat diperlukan bagi menjayakan misi termasuk memberikan bantuan bagi pembinaan gereja kepada penduduk peribumi. Justeru, sumbangan untuk meningkatkan pendidikan diperlukan seperti bantuan pelajar peribumi untuk mempelajari Bible di sekolah sebanyak \$40.00 setahun. GME juga membuka sekolah dalam kawasan pedalaman (\$200.00), bantuan penterjemahan buku-buku berkaitan (\$300), bayaran gaji guru tempatan yang mengajar di Kolej Anglo-Chinese, membina *prepatory* di sekolah (\$2000) dan membayar gaji guru luar yang mengajar (\$2,100).

Dalam pada itu, beberapa orang pegawai perubatan Hindia Timur Belanda dibawa ke Malaysia kerana dianggarkan sekitar 80 peratus penduduk memerlukan rawatan. Justeru, pihak kolonial Belanda berserta

GME berjaya membina enam buah hospital. Kerajaan kolonial berikrar memberikan sumbangan sebanyak $\frac{3}{4}$ wang untuk kegunaan pembinaan bangunan selain membayar gaji seorang doktor serta tiga jururawat tempatan di setiap hospital. Di Pontianak, sumbangan sebanyak \$1,000 diperlukan bagi baik pulih hospital, hospital Palembang (\$1000), hospital Bandjor (\$2,500), hospital Boemiajoe (\$3,000), hospital di Aceh (\$4,000) dan hospital Surabaya (\$10,000). Pembinaan hospital ini dijangka dapat membantu 15,000 000 penduduk.

Bagi negeri-negeri di Tanah Melayu GME juga terlibat secara aktif dalam mengembangkan ajaran Kristian termasuk mengadakan draf Enakmen berkaitan "The Methodist Episcopal Location Board Incorporation" (Arkib Negara Malaysia 1957/0177590). Di Selangor pada tahun 1897, GME memohon sebidang tanah seluas lima ekar untuk didirikan sekolah bagi pelajar perempuan (Arkib Negara Malaysia, 1957/0069356). Pada tahun 1910, Shellabear memohon tanah dalam bandar Port Swettenham (Pelabuhan Kelang) untuk pembinaan bangunan GME (Arkib Negara Malaysia 1957/0151525).

Pada tahun 1919, seorang misionaris wanita iaitu Marsh memohon kepada Lembaga Mubaligh Luar Negeri untuk kembali berkhidmat di Tanah Melayu sebagai pengajar dan mubaligh di Sekolah Perempuan Methodist Kuala Lumpur melalui surat bertarikh 19 April 1919 (Arkib Negara Malaysia 1957/0200930).

Peranan GME dalam menyebarkan ajaran Kristian berakhir pada tahun 1939 setelah aliran tersebut dimasukkan ke dalam gereja Methodist sepenuhnya. Ketika itu jumlah

keahlian GME seluruh dunia adalah berjumlah 4.4 juta orang.

Ketahanan Akidah Penduduk Islam Malaysia terhadap Gerak Kerja Orientalisme dan GME

Sekalipun GME menjalankan kegiatan mubaligh terutama dalam kalangan majoriti penduduk Islam di Malaysia pada abad ke-19 dan 20, namun kejayaan yang dicapai bukanlah pada skala besar. Ini kerana agak sukar bagi penduduk yang telah pun beragama Islam untuk menukar agama mereka kepada Kristian. Hal ini terbukti di Tanah Melayu tidak terdapat sebarang rekod berlakunya penghijrahan secara besar-besaran penduduk Islam kepada ajaran Kristian. Kecuali di Jawa, Sumatera, Borneo, Makasar serta beberapa tempat lain berlaku penghijrahan namun bukan pada skala yang besar. Kecuali di utara Filipina, majoriti penduduk telah pun memeluk agama Kristian pada abad ke-16.

Pada tahun 1911, keluasan Malaysia dianggarkan 700,000 00 batu persegi manakala penduduk keseluruhan dianggarkan berjumlah 70 juta. Daripada jumlah tersebut, sekitar 35 juta darinya adalah beragama Islam. Mubaligh GME juga terpaksa berhadapan dengan penduduk Islam yang semenjak dari awal lagi tidak menunjukkan minat terhadap ajaran Kristian (Our foreign fields Malaysia Board of Foreign Missions of the Methodist Episcopal Church, 1911).

Keutuhan akidah penduduk Islam di Malaysia menimbulkan dilema dalam kalangan mubaligh GME memandangkan agama Islam tetap utuh dan menjadi sebagai agama dominan dalam kalangan penduduk (Thoburn, 1900). Reaksi kepada ketahanan akidah penduduk Islam, pihak GME melalui

Lembaga Mubaligh Luar Negeri yang berpusat di New York telah mengeluarkan risalah bertajuk *Mohammed or Christ: which shall it be?* yang antara lain menyebut usaha mengkristianiasi penduduk Malaysia yang berjumlah 35 juta orang perlu dipergiatkan. Manakala mubaligh GME perlu jelas hala tuju misi iaitu sama ada ingin menjadikan Islam (Mohamed) atau Kristian (Christ) sebagai agama dominan di Malaysia iaitu sangat bergantung kepada usaha agresif mereka (Mohammed or Christ, Methodist Episcopal Church, 1914).

Dalam pada itu pihak GME telah melipatgandakan usaha dalam sistem pendidikan dengan memperkenalkan pendidikan Barat bagi menyaingi sistem pendidikan Islam yang sekian lama bertapak dalam kalangan penduduk. Bagi penduduk Islam di Malaysia, sistem pendidikan popular dalam mereka ialah sistem pendidikan di madrasah atau pondok. Setelah mereka tamat belajar di Malaysia, mereka kebiasannya menyambung pengajian ke India, Mesir atau Makkah dan Madinah. Sekembalinya ke kampung halaman, mereka akan membuka madrasah atau pondok sekaligus menambah bilangan institusi pendidikan Islam dalam kalangan penduduk.

Bahkan dalam kalangan penduduk Islam, masjid, madrasah dan pondok adalah institusi sosial yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan mereka. Bermula dengan amal ibadat di masjid manakala ilmu diperoleh di madrasah dan pondok. Bagi anak-anak penduduk yang ingin belajar, mereka akan ke madrasah dan jika ingin belajar lebih lanjut berkaitan agama Islam, mereka akan memasuki institusi pondok. Di madrasah atau pondok, mereka diterapkan semangat anti kafir. Bagi urusan nikah kahwin, penceraian, urusan kematian, khidmat nasihat dalam

kehidupan atau berubat mereka akan menemui tuan-tuan guru, ustaz, haji atau lebai. Kumpulan ini begitu dominan dalam kalangan penduduk kerana kebanyakan urusan kehidupan sangat bergantung kepada kumpulan ini.

Selain ketegasan ulama dan guru agama terutama yang berkaitan dengan akidah umat Islam menyebabkan mubaligh GME sukar mendekati penduduk Islam. Apatah lagi ketika itu bilangan penduduk yang bertaraf haji semakin bertambah dalam kalangan penduduk. Sekalipun dalam hierarki sosial mereka yang bertaraf haji adalah paling rendah berbanding tuan-tuan guru atau ustaz, namun kumpulan ini juga mempunyai prestij tinggi dalam masyarakat. Pada awal abad ke-20, setiap tahun kira-kira 10 ribu jemaah haji dari Malaysia mengerjakan haji di Makkah. Sekembali para haji ke kampung halaman dan jika mereka memberikan pandangan atau nasihat, mereka dihargai oleh penduduk.

Justeru pihak GME merekodkan sekiranya dalam sesebuah rumah atau kampung terdapat individu yang bergelar haji maka berkemungkinan seluruh kampung tidak lagi berminat untuk mendapatkan maklumat berkaitan kegiatan mubaligh Kristian. Pertambahan bilangan individu yang berstatus haji serta pertambahan penduduk Islam yang pesat iaitu hampir 500, 000 00 setahun menyebabkan usaha missionari sedikit sebanyak terjejas. Justeru, pihak GME telah mengambil beberapa langkah alternatif untuk mengatasi perkara tersebut.

Berdasarkan fenomena di atas, pihak mubaligh GME seperti Denyes (1919) menzahirkan kebimbangan terhadap kegiatan dakwah Islam sebagaimana di Borneo (Sarawak dan Kalimantan), jika dilipat gandakan boleh membantut usaha mereka

untuk menyebarkan ajaran Kristian khususnya dalam kalangan penduduk Dayak. Kata-kata Denyes sebagaimana di bawah;

Jika kita tidak memanfaatkan peluang ini, tawaran yang sama akan diberikan oleh orang-orang Muhammad (Islam), yang daripadanya orang Dayak akan mendapat pengetahuan tentang Mohammedanisme yang akhirnya menjadikan mereka lebih sukar untuk didekati...

Lebih lanjut Denyes (1905) tetap mengakui bahawa majoriti penduduk Malaysia adalah beragama Islam namun dalam konotasi negatif sebagaimana catatan di bawah:

Secara umum orang Melayu di Malaysia adalah beragama Islam. Sebelum Islam, mereka terpengaruh dengan ajaran Hindu-Buddha aliran Brahmanisme, Sivaisme dan Buddhisme terutama di beberapa kawasan di Sumatera dan Jawa. Hal ini dibuktikan dengan terdapatnya runtuhannya kuil-kuil lama. Malah ajaran Islam yang dianuti penduduk sebahagiannya tidak menyamai sebagaimana yang diamalkan di negara Arab dan Turki. Orang Melayu didapati mengamalkan akidah Islam namun masih ramai yang percaya kepada makhluk ghaib. Pokok, batu, padang, kampung semuanya ada penunggu. Penyakit pula sering dikaitkan dengan roh yang perlu ditenteramkan. Agama Islam secara beransur-

ansur diterima hasil dakwah ulama yang datang dari Tanah Arab selain semangat dan citra para jemaah haji yang pulang dari Mekah. Didapati lebih 10 ribu penduduk Alam Melayu melakukan pelayaran mengerjakan haji setiap tahun.

Usaha mubaligh GME seperti mana yang dihadapi Shellabear dan isterinya di Singapura terbantut kerana dikelilingi oleh lebih daripada 35 juta penduduk Islam di seluruh rantau Malaysia. Dalam pada itu kebanyakan penduduk Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, walaupun jumlahnya tidak melebihi dua hingga tiga juta tetapi mereka masih kuat ketahanan jati diri iaitu tidak begitu mudah menukar pegangan akidah setelah mereka memeluk Islam. Bahkan menurut Shellabear, pengaruh Islam begitu kuat menjangar dalam jati diri Melayu sehinggakan Bahasa Melayu yang dituturkan banyak dipengaruhi oleh sastera Islam (Minutes of the Woman's Conference of Malaysia Mission, Methodist Episcopal Church, 1914).

Oleh kerana sambutan penduduk Islam terutama di Tanah Melayu kurang tertarik kepada agama Kristian, maka Shellabear mencadangkan kepada pertubuhan GME supaya menambah koleksi bahan bacaan yang berkait dengan agama Kristian. Dengan cara itu risalah-risalah boleh disebar luaskan ke kawasan kampung terutama penduduk.

Di Malaysia hari ini, jumlah penganut Kristian GME hanya berlaku dalam kalangan penduduk Cina dan India dengan jumlah penganut seramai 212,061 orang. Sementara itu 63.5 peratus daripada 32.4 juta penduduk Malaysia masih beragama Islam. Sementara itu Indonesia terdapat 120,000 penganut

Kristian aliran Methodist dan 8.6 juta penganut Katolik namun Islam masih agama terbesar dengan jumlah penganut seramai 229.62 juta orang.

Kesimpulan

Pada abad ke-19 dan ke-20, penjelajah Asiatic Barat mengiktiraf Malaysia sebagai “tanah penduduk Islam di sebelah Asia”. Ketika itu kolonialis, orientalis dan Gereja Methodist Episcopal (GME) berkerjasama menyebarkan agama Kristian aliran Methodist Episcopal dan cuba mengubah pemikiran penduduk kepada nilai-nilai Barat yang lebih liberal. Di Tanah Melayu, usaha ini tidak berhasil kerana identiti Melayu-Islam tetap kukuh. Walaupun ada penduduk yang kurang faham terhadap ajaran agama, majoriti mereka masih menghargai nilai-nilai Islam. Orientalis dan GME berdepan dengan golongan agamawan yang mempertahankan akidah penduduk, termasuk golongan haji yang memiliki pegangan agama serta status sosial yang tinggi dalam masyarakat. Di Pulau Jawa, Pulau Borneo dan Filipina sekalipun terdapat peningkatan bilangan penduduk peribumi memeluk Kristian namun hanya berlaku dalam kalangan mereka yang belum beragama atau tidak ketentuan status agama. Penyelidikan lanjutan boleh dikembangkan lagi dengan memberi tumpuan kepada kaitan dinamika sosial dan ekonomi terhadap gerakan orientalisme dan GME. Selain itu kajian lanjut juga boleh melihat respon dan peranan golongan muda dan ketahanan wanita Muslim terhadap nilai selain daripada Islam.

Penghargaan

Dr. Hamdan Aziz, selaku penulis utama artikel mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di atas kelulusan cuti sabatikal bagi

membolehkan penulis menjalankan kajian lanjut berkaitan “Malaysia Dari Perspektif Pensejarahan, Orientalisme Serta Kedaulatan Maritim” di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bermula 1 Februari 2024 sehingga 31 Oktober 2024. Penerbitan artikel ini adalah sebahagian dari kajian penulis.

Rujukan

A manual of the Epworth League in India and Malaysia (1896). Lucknow: Epworth League (U.S.), Methodist Publishing House.

Abd Rahman, M. F., Abd Razak, M. I., Mohd Noor, A. F., Abdul Basir, M. K., Khalid, N. K. dan Abdul Kadir, N. A. (2019). Analysing stages of the Western orientalis’ approach towards Islam. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(9): 979-989.

Abdullah, H. (2004). Sejarah kemasukan dan perkembangan orientalisme di Malaysia: satu tinjauan ringkas. *Jurnal KIAS*, 1(1): 125-148.

Abuulaiqah, Yousif Mousa Ali Abdullah (2015). Orientalist objective in al-Quran translation. *Jurnal Hadhari*, 7(2): 75-85.

Akhbar Kritik, 29 Ogos 1956, 1, “Langkasuka atau Malaysia”.

Akhbar The Straits Times, 9 September 1851, “Commercial Relations with the Oriental World”.

Al-Fatani, A. M. Z. (1883). *Tashilul amani fi syarah awamil al-Jurjani*. Patani: Matbaah Halabi.

Arkib Negara Malaysia 1957/0151525 “Application from the Reverend W.G. Shellabear for a block of land in Port

Swettenham town as a church site for the Methodist Episcopal Mission”.

Arkib Negara Malaysia 1957/0177590 “Draft enactment entitled “The Methodist Episcopal Location Board Incorporation Enactment”.

Arkib Negara Malaysia 1957/0200930 “Form application, Miss Mabel Marsh, Appl. For permission to return the FMS for missionary purpose”.

Arkib Negara Malaysia, 1957/0069356 “Application for 5 acres of lands section 19 for methodist episcopal mission purposes”.

Baldwin, T. (1846). *Universal pronouncing gazetteer*. Philadelphia: Lindsay & Blakiston.

Barrows, D. P. (1905). *A history of the Philippines*. Indianapolis: Bobbs-Merrill Co.

Bertrand, C. A. (1832). *Bulletin de la societe de Geographie*, No 105, Janvier 1832, premiere section, sur les iles du grand ocean, Paris, Chez Arthur Bertrand, Libraire de la societe de Geographie, Rue Hutefeuille: 6-19.

Bradford, T. G. (1835). *An abridgment of universal geography, modern and ancient: Chiefly compiled from the abregé de geographie of Adrian Balbi*. New York: Freeman Hunt, Co.

Çağrı, T. M., Alpaslan, T. dan Fatih M. E. (2010). Criticism on Edward Said’s orientalism, 2nd International Symposium on Sustainable Development, June 8-9, Sarajevo.

Cherry, W. T. (1914). *A hole and its contents*. New York: Board of Foreign Missions of the Methodist Episcopal Church.

Curtis, W. E. (1905). *Egypt, Burma and British Malaysia*. Chicago: F. H. Revell.

Denyes, J. R. (1905). *The Malaysia Mission of the Methodist Episcopal Church Missionary, Singapore dan Malaysia*. New York: Open Door Emergency Commission, Missionary Society of the Methodist Episcopal Church.

Denyes, J. R. (1919). *Malaysia. Ohio: Centenary Celebration of Methodist Missions*.

Edward, F. (1899). *Edwards's Australasian catalogue*. London: High Street Marylebone.

Embong, A. H., Ghazaly, M. M., Yasin, M. F. M., and Rahman, B. A. (2023). Covid-19 pandemic implications on Quran subjects at primary school in Malaysia: A new solution based on 3t Quranic basic module. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 23(3): 99-110. <https://doi.org/10.33423/jhetp.v23i3.5842>

Embong, A. H., Rahman, A. H. A., Kadir, F. K. A., Salamun, H., Mutalib, N. A., and Mokhtar, W. K. A. W. (2024). Contemporary employment jurisprudence: An analysis on the aspects of belief, sharia, and morality. *Revista Juridica*, 2(78): 495-511. <https://doi.org/10.26668/revistajur.2316-753X.v2i78.6868>

Embong, A. H., Rahman, A. H. A., Kadir, F. K. A., Khairuldin, W. M. K. F. W., Shahrani, S. S., and Karim, M. R. A. (2022) A research design based on the framework of tafseer al-fiqhiy (Quranic juristic commentary). *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 11(2): 391-412. <https://doi.org/10.36941/ajis-2022-0060>

Engku Alwi, E. A. Z. dan Yusof, N. (2019). The historical development of orientalism movement in Malaysia: An analysis, *The Social Sciences*, 14(2): 50-54.

Foss, C. D. (1899). *From the Himalayas to the equator: letters, sketches and addresses, giving some account of a tour in India and Malaysia*. New York: Eaton & Mains Collection Princeton.

Guillemard, F. H. H. (1894). *Stanford's compendium or geography and travel (new issue) Australasia Vol II. Malaysia and the Pacific Archipelagoes*. London: Edward Stanford.

Hausmann, A. (1848). *Voyage en Chine, Cochinchine Indi'et Malaisie*. Paris: Chez Sagnier Et Bray Libraires.

Joll, C. M. (2015). A history of Christianity in Malaysia by John Roxborough-A review book, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 88(2): 176-178.

Keck, S. (2018). Between orientalism and ornamentalism: colonial perceptions of Southeast Asian Rulers: 1850-1914, *Suvannabhumi*, 10(1): 7-34.

Knox, M. Y. B. (1889). *A winter in India and Malaysia among the Methodist Missions*. New York: Hunt & Baton.

Lary, D. (2006). Edward Said: Orientalism and Occidentalism, *Journal of the Canadian Historical Association*, 17(2): 3-15.

Lieut, B. P. B. F. S. (1892). *In savage isles and settled lands: Malaysia, Australasia and Polynesia*. London: Richard Bentley and Son.

Malaysia: up-to-date facts, (1900). New York: Methodist Episcopal Church.

Mansor, S. A., Mat Enh, A., Mansor, S. dan Othman, A. A. (2024). The Implications of the Russo-Ottoman war of 1877-1878 on the Muslim minorities in Bulgaria: reports from the British documents. *Global Journal Al-Thaqafah*, 14(1): 33-48.

Manual for Missionaries. (1900). New York: Board of Foreign Missions, Methodist Episcopal Church.

Mat Kib, M. Z. (2003). *Kristian di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Minutes of the 28th session of the Malaysia Conference of the Methodist Episcopal Church, (1920). February 19th to 23rd. Singapore: Methodist Publishing House.

Minutes of the Woman's Conference of Malaysia Mission, Methodist Episcopal Church, 1914. Singapore: Methodist Pub. House.

Mohammed or Christ: which shall it be? (1914). New York: Methodist Episcopal Church.

Our foreign fields Malaysia Board of Foreign Missions of the Methodist Episcopal Church, 1911. Singapore: Methodist Pub. House.

Rienzi, M. L. D. (1836). *L'Univers: histoire et description de tous les peuples, Oceanie ou cinquieme partie du monde*, Tome Premier, Paris: Firmin Didot Freres, Editeurs, Imprimurs Libraires De L Institut De France.

Said, E. W. (1979). *Orientalism*. New York: Vintage Books.

Sapariah, J., Rezky, L., Ajm, S. dan Abdul Aziz, A. A. (2023). Characteristics of orientalism studies and implications for the Islamic world, *Serumpun: Journal of Education, Politic and Social Humaniora*, 1(1): 9-22.

Stark, G. L. (1908). *Letters of Gilbert Little Stark July 23, 1907-March 12*. Cambridge: Riverside Press.

Thoburn J. M (1892). *India and Malaysia*. New York: Cincinnati, Cranston & Curts.

Thoburn, J. M. (1900). *Light in the East: India, Malaysia, the Philippines*. Chicago: Methodist Episcopal Church Missions.

Valentine, J. J. (1899). *Imperial democracy: Dutch colonizers in Malaysia, annexation of the Philippines*, San Francisco.

Woods, J. T. (1889). *Geographical notes in Malaysia and Asia 1832-1889*. Sydney: F. Cunninghame & Co.

Yesterday and today in Malaysia, Singapore (1900). Boston: American Mission Press.

Yong, W. C. (1984). Peranan missi Methodist dalam perkembangan Pendidikan Methodist di Melaka, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 13: 29-42.

Yusoff, K. dan Sulaiman. R. (2009). *Peranan orientalis dalam penulisan sejarah Islam*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara